

MAHATHIR BERITAHU PELAJAR2 DALAM DIALOG DI LONDON

Renungan

DAN janganlah kan
berbantah - bantah
yang menyebabkan
mu menjadi gentar d
hilang kekuatanmu d
bersabarlah, sesungg
nya Allah bese
dengan orang - ora
yang sabar. — Mak
Al-Quran surah
Anfal.

'Keputusan kabinet dibuat cara bersama'

Dari Sidek Salleh

LONDON 15 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata bahawa setiap keputusan Kerajaan Malaysia mengenai sesuatu dasar dan tindakan dibuat oleh kabinet dengan cara tanggungjawab bersama.

Bercakap dalam satu majlis dialog dengan ahli-ahli Kelab UMNO UK-Eire di sini, beliau menyangkal tuduhan - tuduhan kononnya beliau bersikap diktator semasa mempengerusikan mesyuarat kabinet tanpa membenarkan anggota - anggota jemaah menterinya yang lain bersuara atau membuat sebarang keputusan.

Malahan, ujar Datuk Sri Dr. Mahathir, ada setengah - setengah pendapat beliau sendiri telah tidak diterima oleh ahli jemaah menteri. Beliau tidak pula menerangkan apa pandangannya yang tidak diterima itu.

"Terpulanglah kepada fikiran masing - masing sama ada hendak percaya atau tidak," beliau memberitahu majlis dialog itu.

Sambil berseloroh Perdana Menteri, menceritakan kisah Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang pernah bertanya Datin Paduka Rafidah Aziz benarkah mereka (ahli-ahli kabinet) tidak boleh bersuara di dalam mesyuarat kabinet.

Menurutnya, Datin Paduka Rafidah menjawab pertanyaan Encik Lim dengan ketawa.

"Sebabnya kalau tidak ada Datin Paduka Rafidah dan Datuk Samy Vellu dalam mesyuarat kabinet baru-baru ini kita habis dengan cepat," katanya disambut dengan riuh - rendah para hadirin ketawa.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu sewaktu Tunku Abdul Rahman dan Allahyarham Tun Razak menjadi Perdana Menteri, mesyuarat kabinet berjalan selama dua jam. Satu jam diputuskan untuk ucapan ringkas Perdana Menteri dan yang lain untuk membincangkan kertas - kertas mesyuarat kabinet.

Di zaman Tun Hussein Onn pula pernah satu ketika mesyuarat berakhir jam 5.00 petang kerana membincangkan sesuatu isu penting. Tapi, masa

beliau (Datuk Sri Dr. Mahathir), menjadi Perdana Menteri mesyuarat itu tamat selewat - lewatnya pukul 1.00 dan jarang hingga dua petang.

"Datuk Sri Dr. Mahathir menambahkan: "Terpulang kepada tafsiran pada diri masing - masing dan saya pun telah berumur 62 tahun."

Menjawab soalan mengenai seminar pegawai - pegawai tinggi kerajaan baru-baru ini, beliau berkata, ramai antara mereka berpendapat bahawa terlalu banyak peraturan dan undang - undang yang menyekat mereka untuk membuat sebarang tindakan. "Saya bersetuju benar bahawa kita terlalu banyak *red tape*, peraturan - peraturan am dan sebagainya kerana kita tidak boleh percaya kepada orang.

"Kalau diberi kuasa mutlak kepada seseorang untuk memutuskan sesuatu, maka lambat laun akan berlaku perkara - perkara yang tidak diingini," tegasnya.

Memandangkan kepada masalah itu, kerajaan terpaksa mengadakan sistem untuk menjalankan semakan dan membentuk jawatankuasa untuk memutuskan sesuatu projek seperti pengeluaran kontrak dan sebagainya.